

18 JUNE 2004

GLOBAL 2004-PELANGI BEACH/I

PELANGI BEACH RESORT MULAKAN PERSEDIAAN JADI TUAN RUMAH GLOBAL 2004

Oleh: Yong Soo Heong

LANGKAWI, 18 Jun (Bernama) -- Pelangi Beach Resort, resort ala chalet di Pantai Cenang di sini telah mula bersiap sedia menjelang Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa Global 2004 (juga dikenali sebagai Dialog Antarabangsa Langkawi 2004) dengan menghias semula bilik-biliknya dan menaik taraf kemudahan Internet, kata pengurus besarnya, Francois G. Sigrist.

"Masa adalah singkat dan kami gembira semua orang terlibat dalam memberi bantuan untuk menjayakan Global 2004 malahan untuk lebih baik daripada sebelumnya," katanya.

Pelangi Beach Resort, yang menjadi tuan rumah kepada Global 2002, akan menjadi lokasi utama dialog tersebut. Hotel itu yang dibina bermodelkan perkampungan melayu tradisi di tepi pantai mempunyai 331 bilik yang ditempatkan di 51 chalet dua tingkat dan setingkat yang dibuat terutamanya daripada dua spesis kayu tempatan iaitu kempas dan kapor.

Sigrist berkata kerja-kerja penghiasan semula bermula setahun lalu dan dibuat secara beransur-ansur agar tidak mengganggu tempahan tetamu.

"Semasa musim kurang tetamu atau bila-bila masa chalet kosong, kami akan menghiasnya semula satu demi satu," katanya. "Hotel itu sudah berusia 15 tahun dan kami mesti memastikan ia terus kekal menarik dengan segala kemudahan dan standard perkhidmatan terbaik."

Bagi kemudahan Internet yang dipertingkatkan, Sigrist berkata kawasan awam seperti lobi, pusat perniagaan dan kolam renang kini telah menjadi kawasan Internet wayarles berikutan pemasangan rangkaian Internet jalur lebar.

"Kami mendapati ramai tetamu dari hotel lain juga datang ke hotel kami untuk menggunakan kemudahan Internet dan kami merancang untuk memperluaskan perkhidmatan ini ke kawasan lain di hotel ini," katanya.

Sigrist berkata hari ini penting bagi hotel-hotel utama untuk mempunyai akses Internet kepada tetamu kerana lebih ramai yang berkehendakkan kepada

perkara itu.

"Kita perlu mempunyainya (pada hari ini)," katanya sambil menyebut satu kiasan bahawa kekurangan akses Internet di sesebuah hotel adalah ibarat mempunyai bilik air tanpa air atau air pancur.

Beliau berkata Pelangi Beach Resort kini mensasar juga untuk menarik tetamu daripada bahagian MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran) kerana hotel-hotel tidak mampu bertahan hanya dengan pelancong liburan semata-mata.

Menurutnya, Pelangi Beach Resort akan mengupah pekerja tambahan semasa Global 2004 dan kakitangan sedia adanya kini dilatih untuk acara tertentu termasuk meningkatkan kesedaran kepada mereka berkaitan kepentingan bagi keselamatan yang lebih baik dengan bantuan daripada pasukan polis.

Sementara itu, para pegawai daripada jawatankuasa nasional yang terlibat dalam menganjurkan Global 2004 menamatkan mesyuarat kedua mereka di sini pada Rabu lepas.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Datuk Haji Abdullah Yatim, Timbalan Ketua Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri yang juga pengerusi bersama jawatankuasa nasional Global 2004, diadakan untuk melihat perkembangan pelbagai jawatankuasa kecil.

Pengerusi bersama lain adalah Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie, presiden dan ketua eksekutif Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT).

Jawatankuasa kecil itu merangkumi protokol, keselamatan dan kecemasan, kesihatan, media dan promosi, teknikal, sokongan dan perkhidmatan, akreditasi, pendaftaran dan dokumentasi.

Anggotanya terdiri daripada agensi seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Malaysia Airlines (MAS), Malaysia Airports Bhd, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Imigresen, Lembaga Pembangunan Langkawi dan MIGHT.

Hampir 30 ketua negara dan kerajaan, kebanyakannya dari negara membangun telah dijemput menyertai Global 2004 dan senarai kehadiran terakhir dijangka dikeluarkan selepas mesyuarat antara Wisma Putra dan ketua rombongan luar negara di Putrajaya minggu depan. Keseluruhannya,

kira-kira 600 ketua-ketua kerajaan, pembuat dasar, ketua-ketua korporat dan pengamal media dijangka mengambil bahagian dalam Global 2004.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pada April tahun ini bahawa beliau komited sepenuhnya kepada Dialog Pergerakan Perkongsian Pintar yang diusahakan oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1995 kerana ia telah membuka laluan bagi Malaysia dan rakan kongsi dialognya dari Afrika dalam menggalakkan ikhtiar sama-sama menang.

"Semua dialog yang sebelum ini berjaya dengan caranya sendiri, saya harap dialog tahun ini akan mencapai kejayaan yang sama," kata Abdullah di pelancaran media Global 2004, di mana temanya adalah "Ke arah Dunia Yang Pintar".

Global 2004 dijangka mengulangi isu-isu penting seperti pengurangan kemiskinan, menangani masalah kesihatan dengan penekanan khas dalam memerangi HIV/AIDS dan membincangkan cabaran-cabaran lain yang dihadapi oleh negara-negara membangun. -- BERNAMA

SHY SD ZK